

Sidek saran cara sesuai bimbing anak2 capai masa depan yg baik

pencah Sejal
ANGGOTA Parlimen (Kalam Ayer), Encik Sidek Saniff, telah memberikan beberapa saranan kepada ibubapa dalam usaha membimbing anak - anak itu mencapai masa depan yang baik.

Encik Sidek berkata bahawa perkara paling penting yang harus dilakukan oleh ibubapa dalam membuat persiapan untuk masa depan anak - anak mereka, ialah mengambil berat akan soal pelajaran anak - anak itu.

"Pelajaran adalah satu perkara yang penting dari dulu hingga sekarang. Sebab, pelajaran adalah

Oleh **SALMA SEMONO**

17 APR 1978

satu perkara yang memperkatakan soal masa depan iaitu soal hidup dan mati.

"Kita bukanlah orang-orang yang dapat meramalkan masa depan. Semuanya terserah kepada Allah. Begitu juga halnya dengan usaha untuk menempatkan orang-orang di masa akan datang adalah satu tugas yang sukar.

Ambil berat

"Tetapi kita dapat menyalapkan anak-anak kita melalui pelajaran. Sebab, pelajaran merupakan satu modal yang tidak dapat dilihat. Oleh sebab itu, ibubapa harus me-

ngambil berat akan pelajaran anak-anak mereka.

"Anda harus jadikan usaha memeriksa buku-buku sekolah anak-anak, sebagai satu tugas. Tetapkan satu-satu hari dalam seminggu, untuk melakukan tugas ini.

"Dan jika ini anda lakukan, anda akan menerima dua faedah iaitu dapat menjalin hubungan lebih rapat dengan anak-anak dan mengetahui pelajarannya," katanya.

Encik Sidek yang berkata demikian di majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang peraduan mengarang, anjuran Persatuan Islam dan Pencaksilat Singapura (Perpensis) di Madrasah Al-Maarif, semalam, mengingatkan juga agar ibubapa berusaha menceritakan riwayat Nabi-Nabi dan pahlawan-pahlawan Islam kepada anak-anak mereka.

Menurut Encik Sidek, dalam seminggu, ibubapa bolehlah mengambil masa sekurang-kurangnya setengah jam, untuk mengumpulkan anak-anak dan ceritakan kepada mereka tentang kisah-kisah Nabi dan pahlawan - panlawan Islam, dengan tujuan agar anak-anak itu dapat mengenal orang-orang yang penting itu di samping menjadikan kisah-kisah itu sebagai satu galakan bagi mereka untuk mempunyai semangat yang berani. **17 APR 1978**

Kisah Nabi

"Jadi, di samping mereka tahu nama-nama yang terdedah kepada mereka setiap hari, mereka akan dapat juga menyebutkan nama orang-orang yang penting seperti para Nabi dan pahlawan - pahlawan Islam. Nama-nama ini, jika selalu disebutkan, lama kelamaan akan terlekat juga di bibir mereka," tegasnya.

Menyentuh tentang orang-orang yang bertugas sebagai penasihat kepada bekas-bekas penagih dadah, Encik Sidek menyarankan agar mereka jangan lupa membawa bekas-bekas penagih itu bersembahyang di masjid-masjid bila tiba masanya. Mereka membawa penagih-penagih itu keluar berjalan-jalan dengan mereka.

Sebelumnya Encik Sidek memuji usaha persatuan-persatuan yang mengambil bahagian sempena perayaan Maulud Nabi Muhammad, menjalankan kegiatan-kegiatan yang lebih berkesan seperti peraduan menduga akal dan mengarang, sebagai mana yang dijalankan

Sejarah

Seramai 24 orang peserta telah dipilih untuk menyertai peringkat akhir peraduan itu daripada 150 orang yang menyertai peraduan itu semenjak ia mula dianjurkan.

Mereka dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A untuk murid sekolah rendah, Bahagian B untuk sekolah menengah dan Bahagian C untuk maktab-maktab dan orang-orang dewasa.

Para peserta telah diminta membuat karangan mengenai sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w. dan perjuangan-perjuangannya.

Peserta-peserta yang berjaya bagi setiap bahagian ialah: Bahagian A - Nordin Hassan (pertama), Masliaton Din (kedua) dan Herizan Ridwan (ketiga). **17 APR 1978**

Bahagian B - Salmah Eusope (pertama), Sariana Yus (kedua) dan Asidah Safari (ketiga). Bahagian C - Fosiayah Aris (pertama), Latifah Jaafar (kedua) dan Ruhaidah Munir (ketiga).

Isteri Encik Sidek, Cik Sharifah Majid, telah menyampaikan hadiah-hadiah itu.